



**ATURAN 53(2),(3) DAN (4) KAEDAH-KAEDAH
MAHKAMAH 2012 DAN SEKSYEN 21(7), 39, 57, 58
DAN 80(3) AKTA SETEM 1949**

**DAVIE SEENIAPPAN VIVE-KANANDA
V.**

**PEMUNGUT DUTI SETEM
BA-12ANCvC-69 & 71-11/2024**



MAHKAMAH TINGGI DI SHAH ALAM



YA PUAN NOOR HAYATI BIN HAJI MAT



22 SEPTEMBER 2025

PEGUAM HASIL: IRFAN MUASHIK, AQMAL HAKIM & AHMAD SAYUTY

Perayu dalam kes ini telah merayu terhadap keseluruhan keputusan berkenaan Lampiran 5 dan 7 yang diputuskan di Mahkamah Sesyen Sepang pada 05.11.2024. Kes ini bermula

dengan permohonan bayaran balik duti setem yang telah dibayar pada 17.08.2016. Permohonan bayaran balik Perayu dikemukakan pada 04.12.2020 iaitu lebih kurang empat (4) tahun empat (4) bulan selepas pembayaran duti setem berkenaan. Asas permohonan bayaran balik Perayu ketika itu adalah berdasarkan satu perintah persetujuan yang bertarikh 26.05.2017 antara Perayu dan seorang pembeli lain dengan penjual-penjual hartanah yang mana perenggan 6 perintah persetujuan tersebut menyatakan bahawa Pemungut Duti Setem perlu mengembalikan duti setem yang telah dibayar.

Responden telah menolak permohonan bayaran balik duti setem tersebut atas alasan dokumen dan alasan yang dikemukakan tidak memenuhi syarat-syarat atau tidak termasuk dalam mana-mana hal keadaan sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 21(7), 57, 58 dan 80(3) Akta Setem 1949. Perayu pada 22.04.2021 memaklumkan akan memulakan tindakan guaman bagi memohon bayaran balik duti setem berkenaan.

Pada 09.07.2021, Responden telah memfailkan Saman Pemula di Mahkamah Tinggi untuk mengeneipikan/ membuang [*expunge*] perenggan 6 Perintah Persetujuan tersebut. Pada 08.10.2020, Mahkamah Tinggi telah memerintahkan, antara lain, bahawa perenggan 6 dalam perintah persetujuan tersebut adalah tidak mempunyai kesan undang-undang terhadap Responden oleh sebab Responden bukanlah pihak dalam guaman antara Perayu dan penjual-penjual hartanah berkenaan.

Hampir empat tahun selepas keputusan guaman Responden tersebut, Perayu pada 04.04.2024 memfailkan Writ Saman di Mahkamah Sesyen Sepang. Responden telah memasukkan permohonan untuk membatalkan pliding Perayu (Lampiran 5) dan Perayu telah memasukkan permohonan untuk penghakiman ingkar pembelaan (Lampiran 7).

Pada 05.11.2024, Tuan Ahmad Fuad Bin Othman, Hakim Mahkamah Sesyen telah membenarkan Lampiran 5 dan menolak Lampiran 7. Mahkamah bersetuju dengan hujahan Responden bahawa tindakan Responden yang memfailkan permohonan di Lampiran 5 tanpa memasukkan pembelaan adalah satu tindakan yang tidak fatal. Selain itu, mahkamah turut bersetuju dengan hujah Responden bahawa tindakan yang sepatutnya dimulakan oleh Perayu adalah semakan kehakiman memandangkan keputusan Pemungut Duti Setem yang menolak bayaran balik adalah satu keputusan administratif. Perkara ini sekaligus menolak hujah Perayu yang menyatakan bahawa Perayu boleh mendapatkan bayaran balik duti setem melalui writ saman. Tambahan, mahkamah turut menyatakan bahawa terdapat merit dalam permohonan di Lampiran 5 dan selari dengan lunas undang-undang.

Perayu kemudiannya merayu terhadap keseluruhan kedua-dua keputusan tersebut. Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak, YA Puan Noor Hayati Bin Haji Mat, Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam telah memutuskan pada 22.09.2025 bahawa berdasarkan nas kes duluan, Responden boleh memfailkan permohonan untuk pembatalan pliding dan secara alternatif memohon agar pembelaan dimasukkan sekiranya permohonan pembatalan ditolak. Mahkamah turut memutuskan adalah jelas bahawa keputusan Pemungut Duti Setem yang menolak permohonan bayaran balik Perayu pada tahun 2020 tersebut adalah satu keputusan pentadbiran, maka proses yang betul adalah melalui semakan kehakiman. Oleh hal demikian, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa hakim Mahkamah Sesyen tidak terkhilaf dalam membuat keputusan di Lampiran 5 dan 7. Kedua-dua rayuan BA-12ANCvC-69-11/2024 dan BA-12ANCvC-71-11/2024 ditolak dengan kos sebanyak RM3,000.00 setiap rayuan.